

MAJLIS PENGISYTIHARAN DAN PENYEMATAN LENCANA SAYAP PENERBANGAN CAWANG JURUMALIM, JURUSENSOR SENJATA DAN JURUTERA PENERBANGAN

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2681-majlis-pengisytiharan-dan-penyematan-lencana-sayap-penerbangan-cawang-jurumalim-jurusensor-senjata-dan-jurutera-penerbangan

SUBANG, 16 Nov 17 - Majlis Pengisytiharan dan Penyematan Lencana Sayap Penerbangan Cawang Jurumalim, Jurusensor Senjata dan Jurutera Penerbangan telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM serta turut disaksikan oleh Pegawai-pegawai Kanan TUDM yang lain. Lencana Sayap Penerbangan ini adalah cetusan idea daripada Markas Wilayah 1 di bawah pimpinan YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Faudzi bin Hj Ahmad TUDM.

Di majlis tersebut, Sayap Penerbangan Cawang Jurumalim telah disematkan kepada YBhg Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM. Manakala Sayap Penerbangan Cawang Jurusensor Senjata pula disematkan kepada Mej Hazman bin Harun TUDM dari No 18 Skn. Bagi Sayap Penerbangan Cawang Jurutera Penerbangan pula disematkan kepada Mej Mohd Nizam bin Husain TUDM.

